

# Negara bukan makmal untuk cuba teori sosial seperti kebebasan—PM

UM 21 NOV 1983

**K**UALA LUMPUR 20 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa sesebuah negara atau masyarakat itu tidak boleh dianggap sebagai makmal bagi mencuba sesuatu teori sosial seperti kebebasan.

Perdana Menteri berkata: "Kita tidak boleh menguji sejauh mana sesuatu kebebasan sebelum ia mendedahkan kehancuran dan

penderitaan kepada anggota-anggota masyarakat."

Beliau mengur wartawan-wartawan dan para pengkritik sosial yang sering mengadu kebebasan mereka disekat dan kemudian menyalahkan pihak berkuasa apabila peraturan yang dilonggarkan itu mendatangkan mudarat.

Ketika berucap di majlis pelancaran Fellowship Sastera Berita Harian di Hotel Hilton malam ini, beliau juga menegaskan bahawa:

● Kebebasan sesuatu pihak dan golongan hanyalah sekadar ia tidak mengancam kepentingan umum dan kepentingan ramai;

● Karya-karya yang menekankan unsur-unsur negatif boleh meruntuhkan sesebuah masyarakat;

● Kegemaran kepada yang pelik dan ajaib seperti cerita hantu kum-kum meletakkan masyarakat Melayu dalam ketakutan yang memalukan;



DATUK SRI DR.  
MAHATHIR

dak membina yang dibawa oleh Barat.

Katanya, setiap kebebasan mempunyai tanggungjawab sama ada kepada masyarakat, bangsa, agama atau negara.

"Golongan penulis tak terlepas daripada tanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara. Dalam konteks ini kebebasan dan tanggungjawab penulis mesti dilihat dan dikaji."

"Jika penulis menghasilkan karya-karya yang menekankan unsur-unsur negatif, karya-karya itu

berusaha mengatasi keadaan azab dan penderitaannya."

Perdana Menteri menjelaskan bahawa penulisan seperti itu tidak akan mengajak manusia supaya berani menghadapi cabaran dan tidak berjaya meningkatkan daya tahan dan daya saing manusia demi menjamin kejayaan bahkan survivalnya.

Dalam hubungan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, cerita kum-kum dibesar-besarkan sehingga meletakkan masyarakat Melayu dalam ketakutan yang memalukan.

Beliau berpendapat bahawa kegemaran kepada yang pelik dan ajaib itu memainkan peranan dalam menimbulkan kejadian seperti histeria di kalangan murid Melayu.

Menurut beliau, kebebasan dan batas kebebasan menjadi lebih penting bagi penulis-penulis Malaysia kerana mereka bertugas dalam suasana dan persekitaran

tempatan, ia boleh menyebabkan kesan yang negatif kepada negara termasuk ancaman kepada keselamatan," ujarnya.

Beliau kesal kerana terdapat segolongan kecil penulis yang tidak dapat menerima hakikat sebenar dan terus menghayati konsep kebebasan Barat.

Perdana Menteri mahu semua penulis dan rakyat sentiasa mengingatkan diri dari semasa ke semasa terhadap punca-punca terjadinya peristiwa 13 Mei iaitu kerana setengah kalangan politik waktu itu yang terlalu ghairah dengan kebebasan bersuara sehingga melupakan had dan batasan yang boleh diterima oleh rakyat berbilang bangsa.

Di akhir ucapannya, Perdana Menteri juga menyatakan bahawa:

● Para penulis hendaklah mendalami dan melengkapkan diri sebanyak-banyak maklumat dan butir mengenai sesuatu perkara supaya tidak menghasilkan komen-

● Penulisan tentang kebaikan dan menyokong apa-apa yang dilakukan oleh kerajaan bukanlah alat propaganda tetapi sebenarnya membuktikan keberanian seseorang penulis.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, kebebasan mutlak tidak wujud di mana-mana dan kebebasan tanpa sempadan serta tanggungjawab menjadi asas bencana dan kehancuran.

Katanya lagi, di dalam konteks sesebuah masyarakat dan negara, kebebasan sesuatu pihak dan golongan hanyalah sekadar ia tidak mengancam kepentingan umum dan kepentingan ramai.

"Sesebuah masyarakat atau negara tidak boleh dianggap sebagai sebuah makmal bagi mengeksperimen sesuatu teori sosial. Kita tidak boleh menguji sejauh mana sesuatu kebebasan sebelum ia mendatangkan kehancuran dan penderitaan," tambahnya.

Beliau menyatakan bahawa tindakan lumrah di kalangan wartawan dan pengkritik sosial yang mengadu tentang kebebasan mereka dan kemudian menyalahkan pihak berkuasa yang telah melonggarkan peraturan yang dikritik sebagai "kebebasan dan kritikan yang dilemparkan tanpa moral dan tanggungjawab."

Tegasnya, ini adalah salah satu pengaruh yang ti-

secara langsung atau tidak boleh meruntuhkan sesebuah masyarakat.

"Penulisan yang menandakan sikap terlalu menyerah kepada nasib adalah juga tidak bertanggungjawab kerana ia tidak menggalakkan manusia supaya

ran yang agak luar biasa iaitu di dalam negara yang berbilang bangsa, agama dan adat resam.

"Jika kebebasan seperti yang dimengertikan oleh penulis - penulis Barat digunakan sebagai ukuran atau diamaikan oleh penulis - pe-

komen yang cetek yang akan hanya mengelirukan pembaca;

● Wujudnya golongan intelek dan penulis tidak semestinya menentukan kesan yang bernilai, membina, sihat dan berkesan kepada masyarakat.